

KENYATAAN MEDIA

17 SEPTEMBER 2021

KUALA LUMPUR, 17 September – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), mengambil maklum mengenai piket yang diadakan di Hospital Bahagia Ulu Kinta di Tanjung Rambutan, Perak oleh Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia ("kesatuan") hari ini.

Kesejahteraan pekerja kami adalah penting serta menjadi keutamaan Syarikat dan kami telah mendengar pelbagai isu yang dibangkitkan oleh para pekerja melalui siri perjumpaan bersama mereka yang diadakan sebelum ini, di mana Syarikat secara progresif telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup di seluruh bahagian operasi kami. Oleh itu, tuduhan mengenai isu ketidakadilan dalam pemberian imbuhan dan ganjaran kepada pekerja kami adalah amat dikesali, memandangkan pelbagai usaha telah dibuat oleh Syarikat. Sehingga kini, Syarikat telah berhubung dengan kesatuan dan ahli-ahlinya secara profesional dan berhemah. Sejar dengan amalan industri dan sebagai majikan yang adil dan saksama, sebarang keputusan mengenai pemberian imbuhan dan ganjaran atau insentif berasaskan prestasi yang juga termasuk bonus, kenaikan gaji, atau ganjaran lain adalah berdasarkan kepada prestasi pekerja, merit dan keperluan perniagaan, di mana ianya adalah mematuhi amalan undang-undang buruh Malaysia merentasi seluruh bahagian operasi UEM Edgenta. Justeru, kami ingin meyakinkan orang ramai bahawa kami akan sentiasa memastikan tiada sebarang gangguan perkhidmatan di semua hospital di bawah jagaan Syarikat.

UEM Edgenta melarang sebarang bentuk diskriminasi, gangguan, atau amalan tidak beretika terhadap pekerjanya dan mematuhi keperluan mandatori Akta Kerja 1955. UEM Edgenta sentiasa berpegang teguh kepada kod tatakelakuan yang menekankan dan mengutamakan kesejahteraan pekerja, keselamatan operasi dan sikap hormat-menghormati.

Syarikat juga telah menyiarkan beberapa kenyataan berhubung isu berkaitan sebelum ini, bagi menjelaskan tuduhan yang mengelirukan oleh pihak kesatuan, yang boleh dirujuk di laman web kami (<http://www.uemedgenta.com/>).

Berdasarkan koresponden kami sebelum ini yang disampaikan melalui saluran dalaman dan luaran, beberapa saluran telah disediakan untuk para pekerja kami di bahagian perniagaan perkhidmatan sokongan hospital ("HSS"), termasuk 'PrihatinLine', platform dalam talian yang membolehkan pekerja berkomunikasi secara langsung dengan pihak pengurusan Edgenta UEMS serta mengutarakan sebarang isu dalaman, permasalahan atau aduan melalui platform yang betul. Kami juga telah menyediakan saluran pemberian maklumat untuk pekerja yang ingin melaporkan sebarang kemungkinan salah laku di tempat kerja.

Sebagai Syarikat tersenarai awam yang bertanggungjawab, UEM Edgenta bertekad untuk memastikan bahawa kami akan sentiasa berhubung dengan pihak berkepentingan utama kami mengenai perkara yang boleh mempengaruhi reputasi dan kedudukan Syarikat.

Warga kerja HSS kami adalah petugas barisan hadapan yang berdedikasi dalam memerangi pandemik COVID-19, dan adalah penting untuk kami menyediakan naratif yang sahih dan tepat terutamanya dalam keadaan semasa yang mencabar ini. Kami menyeru agar kita dapat terus bekerjasama untuk melindungi kesejahteraan dan kebajikan petugas barisan hadapan yang telah bekerja keras dalam memastikan sistem penjagaan kesihatan negara kita sentiasa berfungsi demi kepentingan rakyat.

Sebarang perkembangan atau maklumat lanjut berkaitan perkara ini akan disampaikan melalui laman web kami (<http://www.uemedgenta.com/>).

-ends-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (<http://www.uemedgenta.com/>) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.